



Krisis identiti, Hak asasi dan Islam: Kajian Pelaporan Akhbar Malaysia Mengenai Program Seksualiti Merdeka

Identity Crisis, Human Rights and Islam: A Study of Malaysian Newspaper Coverage of the Seksualiti Merdeka Program

Muhammad Raqib Mohd Sofian*, Afiqah Mior Kamarulbaid**, Nurul Nadirah Abu Hasan***, Izwan Harith Md. Ithnan****

*Communication Programme, Faculty of Leadership and Management, 71800, Nilai, Universiti Sains Islam Malaysia
E-mail: m.raqib@usim.edu.my

**New Media Programme, Faculty of Leadership and Management, 71800, Nilai, Universiti Sains Islam Malaysia
E-mail: afiqahmior@usim.edu.my

***Management with Tourism Programme, Faculty of Leadership and Management, 71800, Nilai, Universiti Sains Islam Malaysia
E-mail: nurulnadirah@usim.edu.my

****Management with Tourism Programme, Faculty of Leadership and Management, 71800, Nilai, Universiti Sains Islam Malaysia
E-mail: izwanharith@usim.edu.my

Article Info

Article history:

Received: 22th November 2022
Accepted: 28th December 2022
Published: 31st December 2022

DOI:

<https://doi.org/10.33102/jicicom.vol2no2.67>

ABSTRAK

Golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) semakin mendapat perhatian dan sokongan di seluruh dunia terutamanya di negara Barat. LGBT adalah golongan homoseksual yang mengamalkan gaya hidup songsang berlawanan dengan fitrah manusia semulajadi. Umum mengetahui Islam melarang sebarang perbuatan yang menjurus kepada perhubungan sejenis dan hal ini menyebabkan isu-isu melibatkan golongan ini sering kali menjadi perbincangan yang hangat dalam kalangan masyarakat dan media. Faktor agama Islam sebagai agama rasmi bagi negara ini dan masyarakat majoritinya hampir 60 % yang beragama Islam turut menjadikan isu yang melibatkan golongan LGBT ini sering kali mendapat perhatian. Perbincangan dan pelaporan oleh akhbar arus perdana yang berkaitan golongan ini amat penting untuk dikaji kerana pemberitaan yang salah dan lebih-lebih lagi melibatkan agama Islam boleh menjadi pencetus kepada konflik. Agama Islam dan Muslim sebelum ini turut dikaitkan dengan keganasan dan ekstrimisme sehinggakan menyebabkan represen-

tasi media mengenai Islam selalunya bersifat negatif. Oleh itu, kajian ini membincangkan mengenai pelaporan akhbar-akhbar terpilih di Malaysia mengenai isu penganjuran program Seksualiti Merdeka di Malaysia. Tiga sampel akhbar dikaji iaitu akhbar Utusan Malaysia, The Star dan Malaysiakini. Ketiga-tiga akhbar ini mempunyai ideologi, sasaran pembaca dan pemilikan yang berbeza. Bagi menjawab objektif, kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan kuantitatif dan analisis kandungan kualitatif bagi memahami bagaimana isu ini dilaporkan dan ditingkatkan oleh akhbar yang terpilih.. Dapatan kajian menunjukkan akhbar-akhbar yang dikaji menunjukkan perbezaan yang ketara dalam melaporkan isu ini mengikut kepentingan ideologi dan pemilikan sesebuah akhbar itu.

Kata kunci: *LGBT, pelaporan media, representasi media, analisis kandungan, akhbar Malaysia*

ABSTRACT

Lesbian, Gay, Bisexual, and Transgender (LGBT) communities are gaining popularity and support worldwide, particularly in Western countries. LGBT is a group of homosexuals who live a lifestyle antithetical to human nature. Because Islam condemns any act that leads to same-sex relationships, issues surrounding this group frequently become hot topics in the community and the media. As Islam is the country's official religion and Muslims account for more than 60% of the population, issues concerning LGBT groups receive much attention. The discussion and reporting by mainstream publications about this group is critical to investigate since erroneous reporting, mainly when it involves Islam, can be a source of conflict. Islam and Muslims have long been associated with violence and extremism, to the point where the media's portrayal of Islam is frequently unfavourable. Thus, this study examines the coverage of selected Malaysian newspapers on the issue of organising an event known as "Seksualiti Merdeka" in Malaysia. Three newspaper samples were studied: Utusan Malaysia, The Star and Malaysiakini. These three publications have distinct ideologies, target audiences, and ownership. In order to answer the objective, this study uses the methods of quantitative content analysis and qualitative content analysis to understand how this issue is covered and framed by the newspapers. The study's findings demonstrate that the newspapers show significant differences in reporting this issue according to the ideological importance and ownership of the newspapers.

Keywords: *LGBT, newspaper reporting, media representation, content analysis, Malaysian newspapers*

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai agama, etnik, kaum, adat dan budaya. Namun, agama Islam adalah agama rasmi bagi negara ini seperti yang termaktub dalam Perkara 3, Perlembagaan negara. Secara amnya, masyarakat Malaysia hidup secara aman damai namun terdapat beberapa krisis telah berlaku yang melibatkan isu-isu hak asasi manusia (Sofian & Hussein, 2014; Sofian, Briandana & Azmawati, 2018). Salah satunya adalah berkaitan dengan isu Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender (LGBT).

LGBT semakin mendapat perhatian dan sokongan di seluruh dunia terutamanya di negara Barat. LGBT adalah golongan homoseksual yang mengamalkan gaya hidup songsang berlawanan dengan fitrah manusia semulajadi dan boleh diklasifikasikan sebagai golongan yang menghidapi penyakit mental seperti yang diwartakan dalam Manual Diagnostik dan Statistik Gangguan Mental (DSM) oleh Persatuan Psikiatri Amerika (Ramli, Balaraman & Saleh, 2017).

Memandangkan Malaysia adalah sebuah negara Islam, majoriti golongan Melayu Islam sering kali diingatkan mengenai kisah Nabi Luth dan sering kali diceritakan oleh agamawan mengenai amalan songsang golongan LGBT ini yang boleh dikategorikan sebagai dosa besar (Jerome, 2013). Golongan Nabi Luth itu juga diceritakan sebagai golongan yang "dimurkai" Tuhan (ibid).

Golongan LGBT dalam kalangan Melayu Islam juga sering dianggap sebagai tidak Melayu (*un-Malay*) dan tidak Islamik kerana mengabaikan kepercayaan dan ajaran Islam (ibid). Hal ini membuktikan apa yang dinyatakan oleh ramai sarjana bahawa konsep Melayu Islam dalam dunia Melayu sangat dipengaruhi dan dibentuk oleh budaya dan agama.

Hal ini menyebabkan isu-isu yang melibatkan golongan LGBT sering kali mendapat perhatian di akhbar. Pelaporan akhbar seperti yang diketahui mampu mendatangkan stigma, prejudis dan persepsi yang buruk bukan sahaja kepada golongan LGBT, malah terhadap agama Islam itu sendiri jika isu ini dilaporkan dan dibingkaikan dengan salah. Seolah-olah agama Islam itu adalah agama yang keras dan tidak berhemah dalam menyantuni golongan ini.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sendiri pernah mengeluarkan kenyataan bahawa Islam tidak pernah bersetuju dengan sebarang unsur diskriminasi dan buli terhadap golongan tersebut kerana sikap seperti mengutuk, menghina atau mengambil kesempatan ke atas komuniti berkenaan bukan satu sikap yang baik (Jakim tak setuju diskriminasi, buli LGBT, 2017).

Sesuatu yang penting untuk dinyatakan bahawa akhbar sering kali digunakan oleh pihak pemerintah sebagai alat untuk mengekalkan status quo dan hegemoni ke atas masyarakat bawahan (Gramsci, 1971). Dalam konteks kajian ini, isu melibatkan "per-tarungan" antara golongan LGBT dan Islam telah digunakan sebagai topik per-bincangan di akhbar untuk kelangsungan politik parti-parti tertentu dalam negara ini yang memiliki dan mengawal media arus perdana yang ada di negara ini (Sofian & Azmawati, 2021). Sebagai contoh, dalam beberapa kajian sebelum ini yang telah dilak-ukukan, parti-parti politik Melayu Islam sering menggunakan isu-isu krisis tertentu yang melibatkan Islam dan Melayu dan menonjolkan merekalah pejuang Melayu Is-lam sebenar di akhbar untuk meraih undi dalam kalangan masyarakat majoriti (Yang & Md Sidin, 2011; Sofian & Azmawati, 2021).

Oleh itu, kajian ini adalah sangat menarik untuk dikaji dengan melihat bagaimana peranan yang dimainkan oleh media di Malaysia dalam melaporkan isu krisis ini. Pemilikan dan ideologi yang berbeza menyebabkan isu ini dibincangkan dengan meluas oleh akhbar dan portal berita di Malaysia. Memadangkan pelaporan akhbar sangat penting dalam mempengaruhi pandangan pembaca dan menimbulkan stig-ma dalam kalangan masyarakat terhadap golongan LGBT dan Islam itu sendiri, maka sangat penting juga untuk dilakukan kajian mengenai pelaporan isu ini. Oleh itu, artikel ini membincangkan dan membandingkan pelaporan akhbar di Malaysia iaitu The Star, Utusan Malaysia dan Malaysiakini mengenai isu penganjuran program Sek-sualiti Merdeka 2011.

Program Seksualiti Merdeka 2011 adalah sebuah program yang dianjurkan secara ta-hunan dan telah cuba dianjurkan sekali lagi pada tahun 2011 buat kali keempat di Galeri Annexe, Pasar Seni bermula pada 9 sehingga 13 November, 2011. Program tersebut bertemakan Queer Without Fear, menganjurkan program-program ber-bentuk bengkel, pelancaran buku, pameran seni dan persembahan (Farah, 2011). Program tersebut bertujuan bagi memperkasakan hak golongan homoseksual agar mereka dihormati dan diterima di masyarakat negara ini (Seksualiti Merdeka henti-kan semua acara awam, 2011). Program tersebut juga mendapat sokongan dan dokongan dari Marina Mahathir, anak kepada Tun Mahathir serta Datuk Ambiga Sreenevasan, yang juga Pengerusi Pertubuhan Bersih (Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil) pada ketika itu. Ambiga ialah seorang figura kontroversi dalam kalangan kumpulan Melayu Islam yang tertentu atas penglibatannya dalam pelbagai program yang kononnya berbentuk liberal dan bersifat menentang kerajaan pada ketika itu. Pelbagai kumpulan yang diketuai oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Melayu dan Islam mendesak pihak berkuasa bertindak ke atas penganjur tersebut dan mem-bidas pihak penganjur dan kumpulan yang menyokongnya kerana dikatakan meng-galakkan kegiatan homoseksual dan amalan seks songsang. Akhirnya penganjuran program tersebut dibatalkan atas faktor keselamatan oleh pihak polis (Farah, 2011).

Peranan akhbar kepada khalayak

Akhbar sangat berpengaruh dalam menyampaikan maklumat dan turut berpengaruh dalam menimbulkan konflik antara masyarakat (Loo & Mustafa, 2010). Loo dan Mustafa (2010) menjelaskan jika isu-isu yang melibatkan konflik dan krisis ditingkatkan dengan salah oleh sesebuah akhbar, ia boleh menjadi "pemangkin" dalam menyemarakkan lagi sesebuah isu yang berlaku.

Menurut Nafi (2006), akhbar dikatakan boleh mempengaruhi pendedahan dan interpretasi mesej dalam kalangan khalayak apabila terdapat beberapa elemen dalam akhbar seperti tajuk utama yang ditonjolkan, berita berkenaan isu yang berlaku, pendapat dalam bahagian lidah pengarang atau gambar yang diletakkan pada akhbar itu sendiri. Setiap elemen dalam akhbar itu memiliki kesan emosi dan rasional untuk mempengaruhi pendedahan maklumat dan tindak balas pembaca. Maklumat yang dibekalkan oleh akhbar tempatan sangat mempengaruhi keseimbangan liputan berita, meskipun terdapat pelbagai akhbar tempatan daripada pelbagai terbitan. Namun, setiap dari akhbar itu membuat paparan berita yang pelbagai dan berbeza-beza setiap hari (Adinegoro, 1966 dalam Nafi, 2006).

Grill dan rakan-rakan (2012) turut menyatakan media massa terutamanya akhbar-akhbar selalunya mempunyai akses yang sama dari segi fakta dan maklumat mengenai sesuatu isu tetapi mereka tetap memberi laporan yang berlainan memandangkan mereka juga menafsir data yang diperolehi mengikut cara masing-masing. Apabila hanya beberapa aspek penting ditonjolkan dalam akhbar, pembaca mungkin mempunyai perspektif yang berat sebelah terhadap sesuatu pihak sahaja lalu menyebabkan para pembaca mempunyai interpretasi serta membuat kesimpulan yang tidak menyeluruh.

Namun, para pembaca akhbar sering tidak sedar bahawa apa-apa yang dibaca oleh mereka adalah sebenarnya sebuah interpretasi dan tidak membandingkan laporan-laporan yang berlainan untuk mendapatkan perspektif yang berbeza dan luas. Grill dan rakan-rakan (2012) juga menyatakan khalayak hanya menerima apa yang dipersembahkan oleh media setelah melalui proses penapisan termasuklah pemilihan fakta-fakta, fakta-fakta yang diketepikan dan fakta-fakta yang diberi penekanan.

Kesannya, pihak akhbar membentuk pendapat khalayak melalui realiti yang dibina dan diterbitkan oleh mereka. Melalui proses pembingkaihan juga, wartawan akan menentukan konteks dengan memilih subjek tertentu dan mempersembahkan gaya tertentu mengenai sesuatu isu melalui pelaporan mereka yang membolehkan kita mengetahui pendirian sesuatu media itu terhadap sesuatu isu yang berlaku.

Pemilikan akhbar Utusan Malaysia, The Star dan Malaysiakini

Pemilikan akhbar di Malaysia sangat penting untuk dibincangkan memandangkan ia turut mempengaruhi pemberitaan mana-mana organisasi media mengenai sesuatu isu (Zaharom & Wang, 2004). Sebelum Pilihanraya ke-14, pemilikan media arus perdana di Malaysia secara amnya didominasi oleh elit-elit politik yang berkepentingan seterusnya membawa kepada kawalan ke atas maklumat yang disampaikan. Hampir kesemua media perdana dikuasai oleh UMNO atau MCA ataupun MIC, terutamanya media-media di Semenanjung Malaysia (Zaharom & Wang, 2004). Kadar perkongsian modal penerbitan ini menjelaskan lagi betapa pihak penguasa amat mencengkam bidang ini.

Dalam konteks di Malaysia, hak milik akhbar lazimnya ada pada kerajaan atau orang politik serta golongan elit dalam masyarakat (Yang & Md Sidin, 2011). Isi kandungan yang dipaparkan di dalam media sering memberi keutamaan yang tinggi kepada isu status quo disebabkan pengaruh golongan elit yang menguasainya. Kebanyakan kerajaan di negara sedang membangun di Asia menguasai dan mengawal media elektronik dan media cetak yang dimiliki oleh pihak swasta. Tambahan pula, ideologi teokratik juga mempengaruhi isi kandungan media di Asia.

Menurut Jeniri (2005), pemilikan akhbar di Malaysia tidak dapat dipisahkan daripada golongan politik dan ahli perniagaan yang mempunyai hubungan rapat dengan pemimpin politik dan hubungan simbiotik yang rapat ini memberikan kesan langsung terhadap kebebasan akhbar dan bagaimana akhbar menetapkan dasar dan agendanya dan seterusnya bagaimana akhbar itu membingkaikan mengenai sesuatu isu itu.

Contohnya, sebelum PRU ke-14, UMNO adalah parti politik yang bernaung di bawah kerajaan Persekutuan turut mempunyai kuasa ke atas Fleet Holdings dan Renong Bhd yang membawa kepada pemilikan bersama akhbar Utusan Melayu melalui Utusan Melayu Press dan New Straits Times Press (Nur Azween & Nidzam, 2008). Bagi akhbar The Star pula, pada tahun 1977, The Star telah dibeli oleh Huaren Holdings, syarikat yang dimiliki oleh MCA, rakan parti komponen dalam Barisan Nasional. MCA melalui syarikat pelaburannya, Huaren Holdings Sdn. Bhd menguasai 58 peratus daripada saham dalam Star Publications (M) Bhd yang menunjukkan ia jelas dikuasai oleh satu parti sahaja dan perlunya parti politik untuk menguasai sesebuah organisasi media (Wang, 2001; Jeniri, 2005; Zaharom & Wang, 2004).

Kawalan ke atas media melalui pemilikan sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh pemerintah dan kewujudan pengampang (*gatekeeper*) yang mengawasi arah aliran pengeluaran berita merupakan antara faktor dorongan kepada perkembangan blog dan internet sebagai media baru di Malaysia (Nur Azween & Nidzam,

2008). Perkembangan internet ini membawa kepada kemunculan portal berita, Malaysiakini.

Mustafa (1999 dalam Zawiyah & rakan-rakan, 2015) menyatakan portal Malaysiakini telah muncul hanya seminggu sebelum Pilihan Raya 1999. Pelancaran Malaysiakini telah mendapat sambutan yang begitu hangat dalam kalangan masyarakat Malaysia apabila menerima lebih 200,000 pengunjung setiap hari pada ketika itu. Kehadiran internet ini telah memecahkan dominasi maklumat yang selama ini dikawal oleh regim BN yang disifatkan oleh sarjana-sarjana sebagai mengamalkan pemerintahan bersifat "kuku besi" (Radue, 2012).

Malaysiakini semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat dengan memainkan peranannya sebagai *the watchdog* kepada pihak pemerintah (Kenyon & Marjoribanks, 2007; Mohd Azizuddin & Zengeni, 2010). Malah Malaysiakini dikatakan sebagai salah satu faktor yang menyebabkan BN gagal mendapat mandat 2/3 majoriti rakyat dalam Pilihan Raya ke-12 pada tahun 2008 yang lalu (Kenyon & Marjoribanks, 2007; Mohd Azizuddin & Zengeni, 2010).

Malaysiakini pada mulanya dibiayai sebahagian besarnya daripada geran yang diterima daripada Southeast Asian Press Alliance (SEAPA) (Mohd Azizuddin & Zengeni, 2010). Namun, Malaysiakini turut mengakui menerima pembiayaan daripada penderma-penderma antarabangsa malah memberikan jaminan bahawa mereka tetap mengamalkan pemberitaan yang bebas daripada cengkaman dan arahan mana-mana pihak. Malah, Malaysiakini turut menjelaskan bahawa pemilikan portal berita itu adalah 70% milik pemilik Malaysiakini dan pemilik bersekutu bersama staf-staf portal berita tersebut (Malaysiakini admits to receiving foreign funds, 2012).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan kuantitatif dan kualitatif untuk mengkaji sifat pelaporan berita. Ia termasuk melihat teks berita di akhbar-akhbar untuk memahami bagaimana isu tersebut dilaporkan.

Kajian ini juga termasuk menganalisis naratif berita untuk memahami bagaimana isu itu dibina dan digambarkan dalam media akhbar terpilih di Malaysia. Unit analisis untuk kajian ini adalah berita langsung, editorial, kolum, pendapat umum dan surat daripada pembaca. Artikel-artikel ini dicari dan dikumpulkan setiap hari sepanjang isu ini sedang hangat dibincangkan oleh ketiga-tiga sampel. Kajian ini menggunakan kaedah sampel *census* yang meneliti semua unit analisis. Sarjana menyatakan bahawa kaedah sampel *census* sangat berguna dalam kajian melibatkan sebuah isu tertentu (Yang & Md Sidin, 2012). Lebih besar sampel kajian, semakin kurang bias keputusan kajian yang akan didapati.

Akhbar Utusan Malaysia dan The Star dipilih untuk dikaji kerana kedua-duanya adalah akhbar arus perdana yang mempunyai jumlah pembaca paling tinggi pada tahun 2011 (Yang & Md Sidin, 2011; Yang & Md Sidin, 2012). Kedua-dua akhbar ini juga mempunyai sasaran pembaca yang berlainan dan amat menarik untuk dikaji dari segi perbezaan pelaporan mengenai isu ini.

Akhbar Utusan Malaysia iaitu akhbar berbahasa Melayu mensasarkan kumpulan pembaca yang terdiri daripada kaum Melayu manakala The Star, akhbar berbahasa Inggeris mensasarkan pembacanya yang terdiri daripada berbilang kaum dan kumpulan pertengahan.

Malaysiakini dipilih sebagai sampel kajian kerana Malaysiakini adalah antara portal berita paling popular di Malaysia. Menurut sebuah laporan pada tahun 2018, Malaysiakini adalah portal berita paling popular pada tahun 2018 (Malaysiakini is top news portal, Reuters study shows, 2018). Malah laporan pada tahun 2019 menunjukkan Malaysiakini menjadi portal berita paling tinggi dilawati oleh rakyat Malaysia untuk mendapatkan berita (Zaharom, 2019).

Pui (2014) turut menyatakan Malaysiakini semakin mendapat perhatian dan sokongan masyarakat Malaysia memandangkan akhbar ini melaporkan pemberitaan yang pro-demokrasi, sekular dan mengamalkan pemberitaan yang sesuai dengan kepelbagaian kaum dan agama di Malaysia. Pemberitaan akhbar ini juga lebih sanggup untuk melaporkan isu-isu sensitif dan mengupas dengan lebih mendalam mengenai isu-isu tersebut berbanding akhbar arus perdana (Pui, 2014).

Bagi kajian kes ini, tempoh pengumpulan data adalah dari 1 November, 2011 sehingga 1 April, 2012 selepas pihak mahkamah menolak permohonan penganjur program Seksualiti Merdeka untuk membuat semakan kehakiman ke atas keputusan polis yang menghentikan program tersebut pada 1 Mac, 2012 (Hafiz, 2012). Kajian kes ini walaupun telah berlaku hampir 11 tahun yang lalu, namun ia masih relevan untuk konteks kajian kini kerana pemilikan akhbar di Malaysia masih tidak terlalu berbeza dengan pemilikan yang terdahulu. Malah isu LGBT masih antara isu yang hangat dibincangkan dalam kalangan masyarakat di Malaysia sehingga boleh menimbulkan konflik antara masyarakat (Ramli, Balaraman dan Saleh, 2017). Selain itu, isu LGBT turut menjadi antara topik yang digunakan bagi meraih undi ketika pilihanraya di Malaysia memandangkan ia ada sebuah topik yang sensitif dalam kalangan masyarakat Melayu Islam (Sofian, 2021).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada kajian yang berlangsung dari 1 November, 2011 sehingga 1 April, 2012 ini berjaya mengumpulkan sebanyak 213 artikel berita daripada ketiga-tiga sampel akhbar. Dari 213 artikel berita tersebut, akhbar *The Star* menyiarkan 37 artikel berita (17.4 %), *Utusan Malaysia* sebanyak 104 artikel berita (48.8 %) manakala *Malaysiakini* sebanyak 72 artikel berita (33.8%).

Sumber berita

Bagi analisis mengenai sumber berita bagi isu ini, terdapat 25 kategori yang telah dikenal pasti. Kategori-kategori tersebut ialah: (1) ahli/ pemimpin politik kerajaan BN, (2) ahli/ pemimpin politik Pakatan Rakyat, (3) ahli/ pemimpin politik bebas, (4) wakil dari badan bukan kerajaan (NGO) Islam, (5) wakil dari NGO Islam yang moderasi, (6) wakil dari NGO lain-lain, (7) wakil dari jabatan agama Islam, (8) wakil-wakil dari pihak agama lain, (9) pendapat editor/ pengarang, (10) orang awam, (11) agamawan Islam, (12) aktivis hak asasi manusia, (13) pihak berkuasa, (14) wakil dari Seksualiti Merdeka, (15) pelbagai sumber, (16) sumber dari akhbar lain/ BERNAMA, (17) bekas Presiden Bersih/ Bar Council, (18) ahli akademik, (19) latar belakang kes di mahkamah, (20) peguam syariah, (21) senator, (22) sumber yang tidak didedahkan, (23) bekas Ketua Polis Negara, (24) penulis bebas dan (25) bekas Perdana Menteri Malaysia.

The Star

The Star dilihat banyak memberi ruang kepada ahli politik BN sama ada dari parti UMNO atau MCA dalam memberikan ruang kepada mereka untuk memberikan justifikasi pembatalan program tersebut. Hal ini bukan sesuatu yang menghairankan kerana sudah parti The Star ingin memberikan ruang yang banyak kepada pemiliknya untuk menerangkan pendapat dan pandangan mengenai isu ini. NGO-NGO Islam juga dilihat diberikan suara yang "besar" dalam membantah penganjuran program Seksualiti Merdeka tersebut.

The Star juga kerap merujuk kepada pihak berkuasa, seperti pihak polis dan pihak Majlis Bandaraya yang banyak mengeluarkan komen dan pendapat mengenai penganjuran tersebut dan mengapa ia perlu dibatalkan. Sesuatu yang perlu dinyatakan di sini juga, akhbar The Star dalam melaporkan mengenai isu ini banyak merujuk kepada mereka yang berpandangan moderasi seperti NGO Islam yang sederhana seperti Sisters in Islam, Islamic Reinassanse Front dan NGO-NGO lain-lain dalam memberikan pandangan mereka. Malah wakil dari penganjur Seksualiti Merdeka turut diberi peluang untuk menjelaskan pendirian mereka mengenai program tersebut. Mereka yang bersimpati dengan penganjuran program tersebut seperti Ambiga dan Marina Mahathir turut diberikan ruang untuk menyatakan pandangan mereka.

Utusan Malaysia

Bagi akhbar Utusan Malaysia pula, akhbar tersebut paling tinggi menggunakan sumber berita daripada kategori pemimpin Barisan Nasional dan NGO Islam. Kebanyakan sumber daripada pemimpin Barisan Nasional yang dirujuk adalah daripada kalangan ahli UMNO yang begitu marah dan membantah penganjuran program tersebut. Manakala bagi NGO Islam, kebanyakan artikel merujuk kepada Perkasa, ABIM dan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) yang membantah penganjuran program tersebut. Selain itu, Utusan Malaysia juga menggunakan sumber daripada agamawan Islam dan mereka yang pakar dari sudut agama Islam daripada jabatan agama Islam untuk membantah program tersebut. Dapatan juga menunjukkan ahli-ahli politik parti pembangkang pada ketika itu khususnya parti PAS juga banyak diberi ruang dan peluang untuk membantah program tersebut dan dijadikan sumber oleh akhbar Utusan Malaysia.

Dapatan kajian juga menunjukkan, peluang yang diberikan kepada wakil atau penganjur daripada Seksualiti Merdeka untuk memberikan komen dan pandangan mereka amatlah sedikit peratusannya yang diterbitkan. Kebanyakan sumber daripada pihak penganjur yang digunakan oleh akhbar Utusan Malaysia juga digambarkan sebagai tidak menghormati keputusan pihak polis. Antaranya, pihak penganjur digambarkan sebagai "degil" dengan tetap mencuba untuk mempertahankan penganjuran program tersebut dan menyalahkan pihak polis kerana membatalkannya. Malah berita yang merujuk kepada pihak penganjur Seksualiti Merdeka ini dilaporkan dengan ringkas sekali tanpa sebarang penjelasan lanjut diberikan.

Akhbar Utusan Malaysia juga merujuk kepada salah seorang tokoh dari agama Kristian yang juga tokoh Kristian Sabah, Webley Disim yang menentang serta membantah penganjuran program tersebut. Oleh itu, boleh dikatakan akhbar Utusan Malaysia dilihat banyak menggunakan sumber-sumber yang membantah penganjuran program tersebut untuk menunjukkan pendirian mereka mengenai isu ini.

Malaysiakini

Dalam pada itu, Malaysiakini menunjukkan perbezaan berbanding sampel akhbar lain yang dikaji apabila paling tinggi menerbitkan artikel yang menggunakan sumber berita dari kategori "orang ramai" dengan merujuk kepada orang awam untuk memberikan pandangan mereka mengenai isu ini. Mungkin disebabkan sifat portal Malaysiakini yang mesra pengguna memudahkan orang awam untuk memberikan komen mengenai isu tersebut berbanding Utusan Malaysia dan The Star. Malah terdapat sebuah kolum berita khas iaitu *Yoursay* yang menerbitkan serta mengumpulkan komen-komen dari pembaca diterbitkan oleh Malaysiakini lalu dijadikan sebagai bahan berita dalam membincangkan mengenai isu ini.

Dapatan kajian juga menunjukkan Malaysiakini banyak memberi peluang kepada wakil daripada pihak penganjur untuk memberikan pandangan yang mempertahankan penganjuran program tersebut. Seperti dapatan kajian The Star dalam melaporkan mengenai isu ini, Malaysiakini banyak merujuk kepada mereka yang berpandangan moderasi seperti *Sisters in Islam*, *Islamic Reinassanse Front*, aktivis hak asasi manusia dan NGO-NGO lain-lain dalam memberikan pandangan mereka yang menyokong penganjuran program tersebut.

Daripada dapatan di atas, dapat dirumuskan bahawa The Star dan Malaysiakini banyak memberi peluang kepada pihak Seksualiti Merdeka dan mereka yang bersimpati dengan penganjuran program tersebut untuk memberikan penjelasan dan komen mengenai penganjuran program tersebut. Namun, The Star tetap merujuk kepada ahli politik BN dan NGO Islam dalam jumlah yang tinggi dalam memberikan komen dan justifikasi mereka mengenai pembatalan program tersebut.

Utusan Malaysia pula memberi peluang yang sangat sedikit kepada pihak penganjur atau mereka yang bersimpati dengan penganjuran program tersebut untuk memberikan penjelasan malah Utusan Malaysia paling tinggi menggunakan sumber-sumber dari pemimpin kerajaan pada ketika itu, terutamanya daripada UMNO malah disokong oleh penggunaan sumber daripada NGO Islam yang menentang penganjuran program tersebut. Sumber-sumber dari agamawan Islam, individu daripada jabatan agama Islam malah tokoh-tokoh politik pembangkang pada ketika itu terutamanya daripada PAS turut digunakan dalam menyatakan pendirian akhbar tersebut yang membantah penganjuran program tersebut.

Kecenderungan berita

Bagi kategori kecenderungan berita ini, ia dikategorikan sebagai (1) menyokong penganjuran program Seksualiti Merdeka, (2) tidak menyokong penganjuran program Seksualiti Merdeka dan (3) neutral.

Utusan Malaysia

Dapatan kajian mendapati akhbar Utusan Malaysia lebih banyak menyiarkan artikel yang tidak menyokong penganjuran program Seksualiti Merdeka tersebut. Dari sudut pilihan perkataan, terdapat beberapa perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa penganjuran Seksualiti Merdeka dan golongan LGBT ini ditentang dan membawa maksud negatif. Antara perkataan dan pernyataan yang digunakan untuk menggambarkan penganjuran program ini adalah "memancing kemarahan umat Islam", "kerja gila", "menyinggung perasaan umat Islam", "menganjurkan program yang bertentangan dengan semua agama dan adat resam budaya rakyat negara ini", "melampau", "penganjuran acara yang dianggap cukup asing bagi rakyat negara ini", "menggalakkan perbuatan di luar tabii", "program songsang", "mencabar kesabaran

umat Islam", "cuba menggugat ketenangan dan keharmonian hidup bermasyarakat serta beragama", "menganjurkan perbuatan di luar tabii", "satu perbuatan yang janggal", "songsang", "membawa kemudaratan kepada masyarakat", "ada agenda tersirat", "merosakkan negara", "menyalahi undangundang", "mengumpul dosa yang paling dilaknat Islam", "syaitan-syaitan manusia", "menyebarkan nilai-nilai agama baru dari Barat", "bertindak semakin berani dan lebih terbuka untuk menyesatkan umat Islam di Malaysia", "menimbulkan perpecahan", "lagakan antara kaum dan sesama kaum", "ancaman terbesar", "ikut telunjuk nafsu", "bertentangan dengan Perlembagaan negara", "budaya yang merendahkan kemanusiaan" dan "berlawanan dengan fitrah manusia".

Malaysiakini

Akhbar Malaysiakini pula paling banyak menerbitkan artikel berita yang menyokong dan bersimpati dengan penganjuran program Seksualiti Merdeka tersebut. Antara perkataan dan pernyataan yang digunakan untuk menunjukkan sokongan terhadap penganjuran program Seksualiti Merdeka tersebut adalah seperti "sebuah program yang meraikan hak asasi manusia", "program yang berunsurkan ilmiah", "mempunyai agenda yang lebih luas dan mulia", "untuk meningkatkan kesedaran orang ramai", "tidak pernah menimbulkan kekecohan sebelum ini", "program yang memberikan maruah diri kepada golongan LGBT", "memberi mereka rasa bermasyarakat dan menggalakkan penerimaan dan cinta bukan polarisasi dan kebencian", "bertujuan untuk memperkasakan kaum sejenis dengan rasa harga diri", "sebagai sumber bagi mereka yang mencari sokongan mengenai isu seks dan jantina", "sebuah majlis yang aman", "menyediakan ruang yang selamat untuk semua orang yang berorientasikan seksual dan identiti jantina yang pelbagai untuk berkumpul dan berkongsi pengetahuan mengenai hak asasi manusia", "sebuah program yang menggabungkan seni, muzik dan kuliah yang menarik", "program mengenai rakyat Malaysia untuk mengatasi cabaran dihadapi mereka" dan "program untuk memberikan suara kepada mereka yang tidak bersuara".

The Star

Manakala, akhbar The Star pula menerbitkan artikel berita yang berbentuk neutral paling banyak dalam penerbitannya. Namun, dapatan kajian juga menunjukkan akhbar *The Star* menerbitkan artikel berita yang menyokong penganjuran program Seksualiti Merdeka dengan peratusan yang agak tinggi juga. Antaranya Seksualiti Merdeka digambarkan sebagai "sebuah program yang bertujuan untuk mewujudkan kesedaran", "sebuah program yang berbentuk pelajaran", "sebuah program yang mengiktiraf hak asasi rakyat yang terdiri daripada pelbagai orientasi seksual dan identiti jantina", "tidak langsung memberikan sebarang impak negatif kepada masyarakat", "tidak pernah mendatangkan sebarang masalah" dan "sebuah program yang bermaklumat dan memberi pencerahan kepada masyarakat". Pernyataan seperti "hak

kebebasan asasi" dan "hak berperlembagaan" turut digunakan bagi menggambarkan hak-hak golongan LGBT untuk berkumpul secara aman. Bagi menggambarkan ketid-akpuasan hati mereka dengan tindakan polis pula, antara perkataan yang digunakan adalah "tidak adil", "tidak patut", "tidak wajar", "kurang ajar" dan "bersikap prejudis" terhadap program tersebut.

Bagi menunjukkan penjelasan yang lebih jelas, contoh kandungan berita yang menunjukkan kecenderungan berita yang positif terhadap penganjuran program Seksualiti Merdeka adalah seperti berikut:

"Women's Aid Organisation (WAO) is appalled by the persecutory treatment the Seksualiti Merdeka festival has received from individuals, including government representatives, media outlets and the police.

Seksualiti Merdeka has been an annual festival since 2008 and it provides a safe space for all people of diverse sexual orientations and gender identities to come together to share knowledge about human rights. WAO has supported and participated in the festival since its inception" (WAO fully supports Seksualiti Merdeka, 2011).

The Seksualiti Merdeka coalition and 15 other non-governmental organisations have condemned Perkasa, Federal Territories Hindu Sangam and PAS Youth's attacks on the festival.

They called upon the state authorities to protect human rights advocates, including those advocating equal treatment for the lesbian, gay, bisexual, trans-gender, inter-sex, and queer (LGBTIQ) community" (NGOs condemn attacks on Seksualiti Merdeka, 2011).

Contoh kandungan berita yang menunjukkan kecenderungan berita yang negatif terhadap penganjuran program tersebut adalah seperti berikut:

"Tindakan penganjur program mempromosi seks bebas Seksualiti Merdeka yang cuba menghalalkan perkara yang haram telah menghina dan mencabar hukum Islam.

Mufti Selangor, Datuk Tamyas Abdul Wahid berkata, amalan songsang itu jelas bercanggah dengan syarak dan program ini wajib diperangi demi menegakkan kesucian agama Islam"

(Penganjur program Seksualiti Merdeka hina, cabar hukum Islam, 2011).

"Penganjuran Program Seksualiti 2011 yang mempromosikan seks bebas jelas merupakan satu program songsang yang bertentangan dengan Islam selain berlawanan dengan adat resam serta tata susila masyarakat negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan, walaupun Malaysia sebuah negara demokrasi dan menerima prinsip-prinsip hak asasi, ia bukan bermakna kebebasan yang diterima pakai di negara ini tidak terbatas hingga ke peringkat membenarkan amalan hubungan sejenis" (Saifulizam, 2011).

Contoh kandungan berita yang menunjukkan kecenderungan berita yang neutral terhadap penganjuran program tersebut adalah seperti berikut:

Permohonan penganjur program Seksualiti Merdeka 2011 untuk mendapatkan kebenaran bagi mengisytiharkan keputusan Timbalan Ketua Polis Negara berhubung pengharaman program itu, sebagai batal dan tidak sah, akan diketahui pada 1 Mac ini.

Tarikh tersebut ditetapkan oleh Hakim Datuk Rohana Yusof di kamar beliau di Mahkamah Tinggi (Bahagian Rayuan dan Kuasa-kuasa Khas) hari ini" (Permohonan Seksualiti Merdeka 2011 ditentukan 1 Mac, 2012).

"Seksualiti Merdeka is an annual festival celebrating the human rights of people of diverse sexual orientation and gender identity, organised by a loose coalition of NGOs, artistes, activists and individuals since 2008.

The festival's programme, which includes forums, talks, workshops, book launches, an art exhibition and stage performances, was to be launched by former Bar Council president Ambiga Sreenevasan" (Police ban Seksualiti Merdeka festival, 2011).

PERBINCANGAN & KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa setiap akhbar dalam kajian mempunyai gaya dan keutamaan tersendiri dalam melaporkan isu ini. Kebanyakan akhbar cenderung melaporkan berita mengikut kepentingan pemiliknya.

Dapatan kajian menunjukkan Utusan Malaysia, akhbar arus perdana milik UMNO, masih cuba menggunakan naratif tradisional untuk mengekalkan status quo dan mempertahankan hegemoni pihak pemerintah. Utusan Malaysia walaupun dalam beberapa artikel melakukan hal yang sepatutnya dengan menyiarkan artikel-artikel yang memberi peringatan dan nasihat mengenai bahayanya perbuatan songsang golongan LGBT ini, namun dapat dilihat Utusan Malaysia juga menggunakan isu ini untuk meraih "manfaat politik" (*political gain*) terutamanya bagi pemilik akhbar itu. Jelas daripada laporan akhbar dan sumber yang digunakan bahawa tiada kritikan dilemparkan kepada kerajaan ketika itu walaupun parti yang memerintah adalah UMNO dan sepatutnya pihak pemerintah perlu dipertanggungjawabkan mengapa program sebegini pada tahun-tahun sebelumnya dibenarkan untuk dianjurkan tanpa sebarang masalah. Sumber-sumber yang digunakan juga banyak merujuk kepada pemimpin-pemimpin UMNO bagi menunjukkan seolah-olah parti tersebut benar-benar memperjuangkan Islam dan cuba mengekalkan kesucian agama ini daripada anasir-anasir yang tidak sihat seperti amalan LGBT ini. Sumber-sumber dan perkataan yang digunakan cuba menunjukkan Islam dan masyarakat Islam diancam oleh penganjuran program ini. Hal ini mungkin benar kerana 11 tahun yang dahulu, media sosial seperti Facebook, Tweeter dan sebagainya masih belum berkembang dengan pesat di Malaysia. Maka Utusan Malaysia boleh dikatakan dijadikan "alat" utama oleh pihak pemerintah pada ketika itu untuk menyampaikan ideologinya kepada para pembaca supaya minda pembaca terus dicengkam oleh pihak pemerintah.

Tambahan pula, dapat dilihat bahawa The Star yang juga dimiliki oleh parti komponen kerajaan ketika itu iaitu MCA mengambil pendekatan sederhana dalam melaporkan isu ini. The Star lebih memfokuskan kepada sumber yang pelbagai dan dilihat mengambil jalan "selamat" dengan merujuk kepada kedua-dua pihak termasuk yang menyokong dan tidak menyokong anjuran program ini. The Star tidak kelihatan mengkritik mana-mana parti gabungan dalam Barisan Nasional atau polis dalam mengendalikan isu ini. Oleh sebab itu, sumber dari pihak pemerintah tetap dirujuk oleh The Star dalam melaporkan mengenai isu ini lebih-lebih lagi daripada pihak Menteri dan ahli politik UMNO yang telah membantah dan membatalkan program tersebut.

Bagaimanapun, Malaysiakini dilihat banyak merujuk kepada mereka yang menyokong penganjuran program Seksualiti Merdeka tersebut. Malaysiakini juga dilihat cenderung untuk merujuk kepada sumber-sumber yang mempersoalkan tindakan pihak berkuasa yang membatalkan program tersebut. Malah pelaporan dan per-

kataan-perkataan yang digunakan Malaysiakini dilihat cenderung untuk menyokong pengajuran program ini. Hal ini menunjukkan bahawa Malaysiakini telah digunakan oleh orang ramai sebagai medium untuk mendapatkan maklumat yang berbentuk alternatif. Malah Malaysiakini turut dijadikan wadah untuk pembaca memberikan pandangan mereka yang kritis melalui ruangan *Yoursay*. Boleh dikatakan Malaysiakini dijadikan wadah untuk wacana berbentuk hegemoni kontra berlaku dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan minoriti untuk menentang mesej-mesej yang disampaikan oleh media arus perdana.

RUJUKAN

- Farah, F., Z. (2011, 4 November). Seksualiti Merdeka Diharamkan. *MStar*.
<https://www.mstar.com.my/>
- Gramsci, A. (1971). *Selections from the prison notebooks* (E. A. Nowell-Smith, Ed.). New York: International Publishers.
- Grill, S., K., Keong, Y., C., Bolte, S. & Ramiah, S. (2012). Ideological Features Of Vocabulary In News Reports Of Malaysia's Medium Of Instruction Change. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Volume 12 (3), Special Section.
- Hafiz, Y. (2012, 1 Mac). Mahkamah tolak semakan Seksualiti Merdeka. *Malaysiakini*.
<https://www.malaysiakini.com/>
- Jakim tak setuju diskriminasi, buli LGBT (2017, 19 Jun). *Malaysiakini*.
<https://www.malaysiakini.com/news/386129>
- Jeniri, A. (2005). Agenda Akhbar dan Agenda Politik MCA. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. Volume 7, No. 1, 101-110.
- Jerome, C. (2013). The Complexity Of Malay Muslim Identity In Dina Zaman's I Am Muslim. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, Volume 13(2), 169-179.
- Kenyon, A., T. & Marjoribanks, T. (2007). Transforming Media Markets: The Cases of Malaysia and Singapore. *Australian Journal of Emerging Technologies and Society*. Vol. 5 (2). 103-118.
- Loo, E. G. & Mustafa, K. A (2010). *Journalism In Good Faith: Issues And Practices In Religion Reporting*. Shah Alam: Marshall Cavendish (Malaysia) Sdn Bhd.
- Malaysiakini admits to receiving foreign funds (2012, 22 September). *The Star*.
<http://thestar.com.my/news/story.asp?file=%2F2012%2F9%2F22%2Fnation%2F12067491&sec=nation>
- Malaysiakini is top news portal, Reuters study shows* (2018, June 27th). Malaysiakini,
<https://www.malaysiakini.com/news/431574>
- Mohd Azizuddin. M., S. & Zengeni, K., T. (2010). *Democratisation In Malaysia: The Impact Of Social Media In The 2008 General Election*, Paper presented at the 18th Biennial Conference of the Asian Studies Association of Australia in Adelaide, Australia.
- Nafi, M., A. (2006). *Pemparan isu ambalat di akhbar arus perdana Indonesia: Studi analisis kandungan kepada akhbar Kompas dan The Jakarta Post*. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- NGOs condemn attacks on Seksualiti Merdeka (2011, 3 November). *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com>
- Nur Azween Zakaria & Nidzam Sulaiman (2008). Media Alternatif Sebagai Agen Perluasan Ruang Bersuara Kajian Kes Pilihan Raya Umum Ke-12 dalam Worran Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. *Prosiding Seminar Politik Malaysia* (ms. 250-260). Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Penganjur program Seksualiti Merdeka hina, cabar hukum Islam (2011, 5 November). *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my>
- Permohonan Seksualiti Merdeka 2011 ditentukan 1 Mac (2012, 22 Februari). *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my>
- Police ban Seksualiti Merdeka festival (2011, 3 November). *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com>
- Pui, Y., C. (2014). Grassroots Democratic Movements' Dependency on New Media in Contemporary Malaysia: Prospects & Limitation dalam Alan Chong & Faizal Yahya, *State, Society and Information Technology in Asia: Alterity Between Online & Offline Politics*. London: Routledge.
- Radue, M. (2012). The Internet's role in the Bersih movement in Malaysia – A Case Study. *International Review of Information Ethics*. Vol. 18 (12). 60-70.
- Ramli, M., Y., H., Balaraman, R., A. & Saleh, M., S., M. (2017). Kajian Perbandingan Pemaparan Berita LGBT dalam Akhbar Cetak dan Portal Berita, *Forum Komunikasi*, Vol. 12, No. 2, 59-74
- Saifulizam, M. (2011, 4 November). Songsang, bertentangan Islam. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my>
- Seksualiti Merdeka hentikan semua acara awam (2011, 5 November). *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/>
- Sofian, M., R., M, (2021). *Wacana isu-isu Kontroversi berkaitan Islam: Satu analisis akhbar-akhbar terpilih di Malaysia*. Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia.
- Sofian, M., R., M. & Azmawati, A., A. (2021). Wacana Kontroversi Agama di Malaysia: Satu Kajian Terhadap Pelaporan Akhbar Utusan Malaysia dan The Star Mengenai Tuntutan COMANGO, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), 6 (1), 80-95.

- Sofian, M., R., M. (2014). A Quantitative Content Analysis of Utusan Malaysia and The Star's Reporting on A Controversial Thanksgiving Dinner in Damansara Utama Methodist Churh, *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 16 (2), 45-61
- Sofian, M.,R., M., Briandana, R., Azmawati, A., A., (2018). Minority Group and the Media: Media Coverage on Shia Muslims in Malaysia, *E3S Web of Conferences*, 73, 14007
- Wang, L., K. (2001). Media and Democracy in Malaysia. *Journal of The European Institute for Communication and Culture (Jovnost)*, Vol. VIII, No. 2.
- WAO fully supports Seksualiti Merdeka (2011, 8 November). *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com>
- Yang, L., F. & Md Sidin, A., I. (2011). Framing Religious Dispute: A Comparative Analysis of the Lina Joy Controversy by Malaysian Newspapers. *The Journal of the South East Asia Research Centre for Communication and Humanities*, Vol. 3 (2), 21-38.
- Yang, L., F. & Md Sidin, A., I. (2012). Framing Interethnic Conflict in Malaysia: A Comparative Analysis of Newspaper Coverage on the Hindu Rights Action Force (Hindraf), *International Journal of Communication*, 6, 166- 189.
- Zaharom, N. & Wang, L., K. (2004). "Ownership, control and the Malaysian media", in Thomas P. N. & Z. Nain, ed., *Who owns the media: Global trends and local resistances* (pp. 249-267). Penang, Malaysia: Southbound Sdn. Bhd.
- Zaharom, N. (2019). *Digital News Report- Malaysia*. Reuters Institute Digital News Report. <http://www.digitalnewsreport.org/survey/2019/malaysia-2019/>
- Zawiyah, M., Z., Mohammad Agus, Y. & Zaheruddin, O. (2015). Internet dan kebangkitan demokrasi siber di Malaysia: Analisis Pilihan Raya Umum 1999 dan 2008. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space*. 11 (6), 56 -66.